

11 FEB 2003

MAHATHIR-SAHAM

MAHATHIR: PELABURAN AMANAH SAHAM ADA UNTUNG RUGINYA

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelabur perlu menerima hakikat bahawa pelaburan mereka dalam amanah saham tidak semestinya menjamin keuntungan.

"Mereka melabur dan percaya bahawa pelaburan mesti untung sepanjang masa. Ada kalanya pelaburan tak untung. Kita kena terima hakikat itulah," kataya kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran pembangunan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini hari ini.

Beliau mengulas demikian ketika menjawab pertanyaan pemberita mengenai perkembangan amanah saham negeri yang kebanyakan prestasinya terjejas teruk akibat krisis kewangan 1997/1998.

Antara amanah saham negeri yang prestasinya kurang memberangsangkan ialah Amanah Saham Selangor Bhd (ASAS), Amanah Saham Sabah Bhd, Amanah Saham Johor (ASJ), Dana Johor, Amanah Saham Kedah Bhd and Amanah Saham Darul Iman (ASDI).

Sehingga 30 September tahun lalu, nilai aset bersih (NAV) saham-saham itu adalah di bawah RM1 iaitu antara 15 sen hingga 48 sen seunit.

Dr Mahathir berkata kerajaan belum memutuskan lagi bentuk bantuan bagi mempertingkatkan lagi kedudukan amanah-amanah saham negeri itu.

Awal tahun ini, beliau berkata kerajaan sedang mengkaji langkah untuk mengurangkan kerugian yang ditanggung oleh beberapa tabung amanah saham yang dikendalikan oleh kerajaan-kerajaan negeri.

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak akan mengambil langkah menyelamatkan kerana ia akan membabitkan jumlah dana yang besar.

Dr Mahathir berkata terdapat pelabur yang setelah bertahun-tahun meraih keuntungan mempersoalkan mengapa pelaburannya boleh kerugian.

"Kita dah dapat beberapa tahun keuntungan. Ini bila rugi sikit, macamana ini saya buat pelaburan...rugi. Pelaburan sebenarnya ada untung, ada rugi...", kata beliau.

Dr Mahathir berkata pelaburan tidak memberikan jaminan sambil menambah "Sekiranya mahukan jaminan, wang boleh disimpan di bank-bank dan mengumpul faedah." -- BERNAMA

LES AA